



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (90)
Tarikh : 21 Disember 2021

SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED SOKONG PERKEMBANGAN SEKTOR EKONOMI PULAU LANGKAWI DENGAN PENGOPERASIAN LOJI INSINERATOR PULAU LANGKAWI

PULAU LANGKAWI, 21 Disember 2021 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengadakan lawatan kerja ke Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah. Ini merupakan lawatan kedua beliau yang bertujuan untuk melihat pengoperasian dan penyelenggaraan loji tersebut yang mula beroperasi pada 20 Disember 2021 setelah Loji Rawatan Leachate (Leachate Treatment Plant - LTP) lulus ujian makmal dan mengikut piawaian Jabatan Alam Sekitar (JAS).

YB Dato' Sri Reezal Merican menyatakan bahawa lawatan ini juga adalah bagi memastikan segala komitmen yang telah dibincangkan dalam lawatan sebelum ini diambil serius oleh semua pihak syarikat. Proses penyelenggaraan di Loji Insinerator ini melibatkan penggantian komponen baharu telah selesai dilaksanakan oleh pembekal teknologi dari Korea Selatan yang diiktiraf. Ia juga mendapat kelulusan dalam Fasa Pengujian dan Pentauliahan (*Testing & Commissioning*) yang bermula pada 15 Jun sehingga 30 Julai 2021 bagi tempoh 45 hari.

Tambah beliau, sejumlah 130 tan sisa pepejal dianggarkan dijana setiap hari bagi seluruh Pulau Langkawi merangkumi 80 tan sisa isi rumah, 20 tan sisa industri, komersial dan institusi dan 30 tan sisa pukal dan sisa pembinaan. Pengoperasian loji insinerator ini bakal memberi manfaat kepada para penduduk Pulau Langkawi, Kedah.

Ini penting bagi membolehkan aktiviti ekonomi setempat yang berteraskan ekopelancongan dapat diperkukuh tanpa perlu risau soal pelupusan sisa pepejal di samping ia juga mengurangkan keperluan pembukaan tapak sisa pepejal yang baharu.

Loji yang berkapasiti pembakaran pada tahap 80 tan sisa pepejal isi rumah sehari ini dapat mengurangkan kebergantungan pelupusan sisa ke tapak pelupusan sedia ada. Justeru, tempoh jangka hayat tapak pelupusan dapat dipanjangkan kepada 3 tahun iaitu sehingga tahun 2024 dengan kos keseluruhan kerja-kerja penggantian komponen insinerator dan pengoperasian sebanyak RM50.73 juta.

KPKT sentiasa komited dalam soal daya huni atau *liveability* Keluarga Malaysia. Ini dapat diperkemaskan lagi dengan pengurusan sisa pepejal yang efektif demi kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT
#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

